

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقر

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

HARI PUSTAKAWAN 2021

LIVE HD

LIVE@PTAR

Islam Dalam Perlembagaan
Persekutuan

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6

Silence No More

PTAR Cawangan Rembau - muka 10

Cat Parenting 101

PTAR Cawangan Tapah - muka 21

WEBINAR


Cyberbully

PTAR Cawangan Rembau - muka 11

BICARA HARI PUSTAKAWAN

Pustakawan Muda & Norma Baharu

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24





Songket merupakan kain tenunan halus yang melambangkan simbol bangsawan dan warisan Melayu. Keunikan hasil seni kraftangan ini secara tradisionalnya melibatkan proses yang cukup rumit dan halus. Namun, perkembangan teknologi moden membawa perubahan kepada penghasilan naskhah tenunan songket. Inovasi demi inovasi penggunaan songket yang tidak hanya pada jahitan busana malah songket juga digunakan dalam penghasilan beg, alas kaki, bingkai gambar dan cenderahati.

Penerbitan eInfoDiscovery@Library Vol.6/2021 kali ini membawakan anda informasi mengenai songket. Ketahui lebih lanjut sejarah dan proses penghasilan songket secara tradisional serta tips pemilihannya agar kita dapat mengenali dan menghayati hasil seni tekstil lambang jati diri Melayu ini. Imbas kod QR pada gambar untuk akses penuh berita atau layari: <https://terengganu.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions>

Semoga bermanfaat.

SIRI RESENSI BUKU BIL. 1/2021: EKSKLUSIF BERSAMA PENGURUSAN EKSEKUTIF UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Sebagai inisiatif membudayakan membaca di kalangan warga UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), Perpustakaan Cendekiawan dengan kerjasama dan sokongan daripada Pengurusan Eksekutif UiTMCT telah menghasilkan sesi resensi buku pilihan untuk tontonan bersama. Video yang berdurasi satu jam enam belas minit ini telah memuatkan sesi resensi atau ulasan buku pilihan daripada empat orang wakil Jawatankuasa Eksekutif (JKE) UiTMCT iaitu:-

- Prof. Madya Dr. Sarifah Fauziah Syed Draman (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik)
- Prof. Madya Wan Dorishah Wan Abdul Manan (Penolong Rektor UiTMCT Kampus Kuala Terengganu)
- Dr. Hj. Rosman Mahmood (Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri)
- Puan Aina Syakirah Mohd Nong C. A. (M) (Timbalan Bendahari)

Program ini adalah bertujuan untuk perkongsian ilmu sahaja. Pendapat dan komen yang diberikan adalah bersifat peribadi dan bukanlah bererti pendirian universiti. Tonton video penuh dengan mengimbas kod QR pada poster atau terus ke saluran rasmi YouTube Perpustakaan Cendekiawan.

Semoga perkongsian video ini menjadi pemangkin kepada budaya membaca di kalangan warga UiTMCT.